



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR**

---

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

---

PEMOHON-PEMOHON TERDIRI DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA  
YANG BERKELAYAKAN ADALAH DIPELAWA UNTUK  
MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BERIKUT:

**PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11**

**KUMPULAN** : Pelaksana II  
**KLASIFIKASI** : Keselamatan dan Pertahanan Awam  
**JADUAL GAJI** : (Min) RM1,205.00 - (Maks) RM2,939.00  
**TARAF JAWATAN** : Kontrak  
**KEKOSONGAN** : 13 Jawatan

**Kelayakan dan pengalaman:**

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun; dan
- (b) i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau
- ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00): dan
- (c) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan (b)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (e) Calon yang pernah/sedang berkhidmat sebagai polis bantuan atau mempunyai sijil tamat latihan asas Polis Bantuan akan diberikan keutamaan.

## CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik dan ikhtisas kepada Unit Pengambilan dan Kenaikan Pangkat (Pentadbiran) melalui emel **[perjawatan@ums.edu.my](mailto:perjawatan@ums.edu.my)**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **18 Julai 2018**.

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh **dua (2) bulan dari tarikh tutup iklan**, adalah dianggap tidak berjaya.

## Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi:

### **En. Ismail Ladama**

Penolong Pendaftar  
Unit Pengambilan dan Kenaikan Pangkat (Pentadbiran)  
Bahagian Sumber Manusia  
No. Samb. : 1444

### **Cik Rohana Mohd Rais**

Pembantu Tadbir (P/O)  
Unit Pengambilan dan Kenaikan Pangkat (Pentadbiran)  
Bahagian Sumber Manusia  
No. Samb. : 1174